



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KETUJUH BELAS  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**  
(JURNAL HARIAN)

**PADA HARI RABU, 03 SYAABAN 1442 / 17 MAC 2021  
(HARI KETIGA)**

- 1. Doa Selamat.**
- 2. PERKARA V - RANG UNDANG-UNDANG (2021) PERBEKALAN 2021/2022**

- 2.1. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (Kedua) telah diberikan izin oleh Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara untuk mengemukakan Satu Rang Undang-Undang yang bergelar "**Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perkhidmatan tahun kewangan 2021/2022, dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu**".
- 2.2. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (Kedua) telah membentangkan kenyataan mukadimah "**Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan, 2021/2022**" yang merangkumi perancangan-perancangan dan hala tuju peruntukan kewangan negara bagi tahun kewangan 2021/2022 dengan tema "**Ke Arah Pembangunan Sosio-Ekonomi Yang Resilien**". Tumpuan belanjawan kerajaan akan dijuruskan kepada 3 fokus utama iaitu:
  - Mendukung produktiviti negara;
  - Penyediaan kemudahan dan infrastruktur yang mampan dan berdaya tahan untuk kesejahteraan awam dan perkembangan ekonomi;
  - Menjana sumber manusia yang kompeten dan *employable*.
- 2.3. Pembentangan mukadimah "**Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan, 2021/2022**" adalah merangkumi hal-hal ekonomi negara antaranya Perkembangan Ekonomi Negara Pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), Unjuran Ekonomi Negara, Inisiatif-Inisiatif Kerajaan

dalam Menangani Penularan COVID-19, Kedudukan Fiskal Kerajaan bagi Tahun Kewangan 2020/2021 sehingga 28 Februari 2021. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II (Kedua) juga telah membentangkan aspek-aspek Kedudukan Ekonomi Global yang mengalami defisit, perdagangan global, impak penularan pandemik COVID 19 terhadap Fiskal kerajaan, harga pasaran dan *excess supply* minyak dan gas.

- 2.4. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyokong sepenuhnya Rang Undang-Undang Yang tersebut.
- 

**[MAJLIS MESYUARAT DITANGGUHKAN BAGI SESI PAGI DAN MAJLIS MESYUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG]**

---

- 2.5. Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara telah membuka untuk perbahasan "Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan 2021/2022" dan beberapa orang Ahli Majlis Mesyuarat Negara telah ikut serta dalam membahaskan Rang Undang-Undang:

- i. Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Nudin:

- Langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi menangani kes kartel daging import, dan mencadangkan untuk mengukuhkan penguatkuasaan siasatan sumber daging yang diimport bagi memastikan kehalalannya tidak diragui.
- Mencadangkan untuk mewujudkan satu (1) program *Food Bank* bagi mengurangkan pembaziran makanan.
- Mencadangkan untuk mewujudkan undang-undang bagi mengurangkan pembaziran makanan.
- Mencadangkan untuk membuat kajian akan jumlah pembaziran pada acara-acara keraian terutamanya pembaziran makanan agar ianya dapat dikawal dan dibendung.

- ii. Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:

- Cadangan untuk mengenakan caj perkhidmatan melalui kaedah selain caj keluar/masuk yang telah diumumkan kerajaan, iaitu bagi meningkatkan hasil kutipan kerajaan, antaranya:

- Caj bagi iklan makanan segera,
- Cukai bagi makanan dengan kandungan garam yang tinggi,
- Caj pendidikan atau caj perkhidmatan bagi sekolah-sekolah dan kolej-kolej antarabangsa.
- Mencadangkan bagi subsidi minyak kereta untuk dikaji semula terutamanya bagi kenderaan-kenderaan komersial, berat dan bertaraf mewah. Perkara ini adalah bagi memanfaatkan subsidi bagi mereka yang benar-benar memerlukan dan mengurangkan perbelanjaan negara. Perkara ini akan disokong dengan penggunaan kenderaan elektrik dan selari dengan trend dunia sekarang "*phasing out combustion engines*", dan subsidi ini juga dapat digunakan bagi meningkatkan pengangkutan awam, infrastruktur awam dan lain-lain.
- Membuat pertanyaan akan jumlah penjimatan perbelanjaan dengan pengurangan subsidi minyak, sekiranya ianya dikuatkuasakan.

iii. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Johari @ Jahari:

- Berpendapat bahawa syarikat-syarikat yang berdaftar sendirian berhad dan kecil untuk dikenakan cukai pendapatan, sebagai contoh kedai jahit. Dengan mengenakan cukai pendapatan ini, ianya akan dapat menambah sumber fiskal negara.
- Mencadangkan bagi tindakan peringkat kebangsaan yang melibatkan sektor kerajaan dan swasta sebagai *steering committee* berkaitan Brunei Halal Foods, iaitu dalam perancangan dan strategi, pembuatan dasar.

iv. Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty:

- Menyambut baik dalam melaksanakan inisiatif *fiscal consolidation* dan kaedah *corporatisation*, dan seterusnya bertanya bilakah akan dapat melihat hasil yang diharapkan dari penjimatan perbelanjaan kerajaan.
- Mengambil maklum bahawa setiap tahun negara memerlukan peruntukan tambahan, dan berharap keperluan peruntukan tambahan akan dapat dielakkan pada tahun ini memandangkan \$4.2 billion telah diperuntukkan bagi perbelanjaan kerajaan.

v. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong:

- Mencadangkan untuk mengatasi isu-isu banjir mengikut keutamaan. Menyatakan bahawa fenomena seperti banjir, tanah susur yang berlaku akibat perubahan iklim yang tidak menentu.
- Menyatakan bahawa terdapat ruang untuk penambahbaikan seperti cadangan untuk membina penghadang di persisiran pantai untuk mengelakkan kenaikan paras air. Seterusnya juga, berharap isu kenaikan paras sungai untuk diberi keutamaan pada tajuk perbelanjaan dan di masa akan datang.
- Memberikan cadangan untuk memperkasa dan melibatkan sektor swasta ke dalam projek yang berunsur komersial dan memberi penjimatan besar kepada kerajaan termasuk projek-projek Skim Rancangan Perumahan Negara.
- Dengan adanya pendekatan baru dan pengemaskinian dasar-dasar maka akan dapat menangani isu-isu Sistem Rancangan Perumahan Negara seperti mengelakkan orang menunggu selama dua tahun untuk mendapatkan rumah.

vi. Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Lahit:

- Mencadangkan pelaburan bagi negara menujuhan syarikat usahasama sebagai contoh bersama syarikat automotive terkenal dunia, dan menjadikan negara sebagai pengeluar tunggal di rantau ASEAN.
- Memberikan cadangan untuk mengutamakan permasalahan yang tidak pernah selesai seperti masalah penduduk kampung dan memberi bantuan banjir. Cadangan penyelesaian adalah dengan meninggikan paras jalan secara bertahap menerusi program peningkatan dan pembaikan infrastruktur jalan raya Jalan yang dimaksudkan ialah Jalan Bengkuru dan Jalan Kerancing di Mukim Rambai yang sudah bertahun-tahun menjadi rutin mengalami banjir.
- Diharap projek-projek keusahawanan dan industri akan dapat dilaksanakan di Daerah Tutong bagi memberi peluang kepada belia-belia di Daerah Tutong. Selain

berharap bagi program pembangunan ekonomi dan sumber manusia untuk diadakan di Daerah Tutong.

- Menyambut baik akan penggunaan sistem meter air bagi mengurangkan tunggakan.

vii. Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung:

- Untuk mengukuhkan pertumbuhan domestik, mencadangkan supaya bahan mentah seperti hasil bumi (pasir putih, air galian dan batu), pertanian (padi, buah-buahan dan herba) dan kraftangan, untuk ditambah nilai sebelum dipasarkan di pasar tempatan atau di eksport.
- Memberikan cadangan untuk menubuhkan pusat kajian iaitu *Research and Development* (R&D) bagi melaksanakan kajian dalam sektor perniagaan. Seterusnya juga, bertanya sekiranya pihak-pihak berkenaan mempunyai rancangan dalam memperluas program R&D di Negara Brunei Darussalam.

2.6. Mesyuarat telah membuat undi bagi Rang Undang-Undang (2021) Perbekalan 2021/2022 dan kesemua Ahli Yang Berhormat telah bersetuju.

### **3. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA**

**3.1.** Mesyuarat telah menimbangkan Bab 2 Ceraian (1) dan (2). Memandangkan tiada perbahasan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat, maka Bab 2 Ceraian (1) dan (2) daripada Kertas Majlis telah diundi dan telah dijadikan sebahagian daripada Jadual.

#### **3.2. JABATAN PERDANA MENTERI**

3.2.1. Jawatankuasa telah menimbangkan Anggaran Perbelanjaan Jabatan Perdana Menteri iaitu di bawah tajuk-tajuk SA01A – SA07A.

3.2.2. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menyampaikan mukadimahnya mengenai dengan hala tuju anggaran Jabatan Perdana Menteri.

3.2.3. Beberapa orang Ahli telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:

- i. Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:
  - Ingin mengetahui sejauh mana sistem Quickwin yang bertanggungjawab bersama agensi-agensi lain dalam membantu membina rumah orang-orang da'if.

- ii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim:
- Ingin mengetahui sejauhmana pemerkasaan warga perkhidmatan awam untuk menjadi warga yang berdisiplin dan taat kepada peraturan.
  - Mencadangkan untuk menambahbaik sistem jalan raya untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas.
- iii. Yang Berhormat Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari
- Memberikan cadangan bagi Jabatan Perdana Menteri untuk menerajui dalam perkara-perkara berikut:
    - Bagi pihak kerajaan dan sektor swasta untuk mempunyai *Code of Conduct* untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dalam permasalahan gangguan seksual (*sexual harrassment*),
    - Pendedahan melalui sekolah-sekolah; dan,
    - Memastikan perkhidmatan yang *isolated* seperti perkhidmatan kelas memandu, supaya guru dan pelajar adalah jantina yang sama.
- iv. Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Momin
- Apakah usaha-usaha dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan Adat Istiadat Negara dalam mengekalkan Adat Istiadat Negara untuk jangka masa yang panjang?
- 3.2.4. Tajuk SA01A hingga tajuk SA07A – Jabatan Perdana Menteri telah diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.
- 3.2.5. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk-tajuk selebihnya dibawah Jabatan Perdana Menteri iaitu SA08A – SA14A.
- 3.2.6. Beberapa orang Ahli telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:
- i. Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad
- Ingin mengetahui tindakan dalam memberikan sokongan kepada ibu-ibu bekerja supaya dapat memberi peluang wanita bekerja sambil menjaga anak-anak.
  - Mencadangkan bagi pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja yang boleh menyumbang kepada produktiviti dan mengurangkan ketidakhadiran.

ii. Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty

- Menekankan mengenai isu memangku jawatan, dan mengambil maklum akan inisiatif Jabatan Perdana Menteri iaitu Program Civil Service Leadership Pipeline (CSLP).
- Mencadangkan pengemaskinian Program Civil Service Leadership Pipeline (CSLP) dan memantau proses kenaikan pangkat dengan lebih dekat agar jawatan-jawatan berkenaan akan dapat diisi oleh anak-anak tempatan serta dapat mengurangkan kadar pengangguran.

iii. Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Osman@Othman

- Menyentuh mengenai petunjuk prestasi (KPI) dalam penjualan iklan TV dan radio yang tidak tercapai dan seterusnya, menyatakan pertanyaan bagaimana untuk meningkatkan atau mencapai hasil yang disampaikan.
- Ingin mengetahui akan jumlah pemohon bagi kemudahan perumahan dibawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam, iaitu pemohon dikalangan pegawai dari *scale* Bahagian II kebawah sehingga Bahagian V. Seterusnya, ingin mengetahui tindakan atau perancangan untuk mempercepatkan permohonan-permohonan tersebut.
- Menyatakan pertanyaan mengenai tindakan Jabatan Perkhidmatan Awam bagi memanggil penjawat awam yang berkenaan dalam memastikan tidak berlakunya perkara yang tidak sedari.

---

**[MAJLIS MESYUARAT DITANGGUHKAN BAGI SESI PAGI DAN MAJLIS MESYUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG]**

---